RUMUSAN BERITA MINGGUAN

WEEKLY NEWS BRIEF

Edisi 3/2019

6-12 Mac 2019

DALAM NEGARA

- *Penjualan Syarikat Penerbangan MAS*
- *Pengurangan Jumlah Penjawat Awam*
- *PDRM Menangkap Suspek Yang Didakwa Sebagai Ikhwanul Muslimin*
- *Isu Separatisme: Usaha Mengubah Sabah dan Sarawak Sebagai Sekutu Kepada Persekutuan Malaysia*
- *Isu Statut Rom Dalam Menggugat Kuasa YDP Agong.*

LUAR NEGARA

- *Negara Asean Ingin Berunding Dengan China Berkenaan Laut China Selatan*
- *Perkembangan Isu Pilihanraya Thailand*

IRIS INSTITUTE

Interdisciplinary Research and International Strategy©

RUMUSAN BERITA MINGGUAN

6-12 Mac 2019

RINGKASAN EKSEKUTIF

Rumusan mingguan edisi ini menyentuh beberapa isu utama dalam dan luar negara khususnya dalam isu politik, ekonomi, keselamatan luar dan dalam negara serta politik luar negara. Rumusan berita dalam negara menyentuh isu Penjualan Syarikat Penerbangan Malaysia Airlines (MAS), isu pengurangan penjawat awam, tangkapan PDRM melibatkan suspek pengganas yang didakwa sebagai ahli Ikhwanul Musimin, Isu Cubaan pindaan perlembagaan bagi mengembalikan status Sabah dan Sarawak serta isu Statut Rom dalam menggugat kuasa YDP. Rumusan isu luar negara pula menyentuh isu rundingan semula negara-negara ASEAN dengan China dalam isu Laut China Selatan dan perkembangan terkini Pilihanraya di Thailand.

DALAM NEGARA

1.0 ISU BERKAIT KERAJAAN MALAYSIA

Prestasi Malaysia Airlines dikatakan antara punca mengapa syarikat tersebut dalam pertimbangan kerajaan untuk ditutup, dijual mahupun dibiaya. (Gambar Ihsan: EPA)

Antara poin berita:

- MAS sedang dalam pertimbangan sama ada ditutup, dijual atau dibiaya oleh kerajaan.
- Penjawat awam dikurangkan atas faktor bebanan kewangan kepada kerajaan.

1.1 Penjualan Syarikat Penerbangan MAS

Kerajaan masih berkira samada ingin menutup, menjual atau membiayai semula syarikat penerbangan Malaysia Airlines (MAS) dalam satu kenyataan Tun Dr Mahathir pada 12 Mac 2019. Hal ini berikutan kegagalan syarikat nasional tersebut untuk mencapai objektif keuntungan dalam tempoh tiga tahun selepas ianya telah diswastakan di bawah Khazanah Nasional bhd pada tahun 2014. Sejak penyahsenaraian MAS daripada Bursa Malaysia daripada tahun 2015 hingga 2017, MAS telah mencatatkan kerugian sebanyak RM 2.3 billion berikutan kelemahan harga ringgit dan kos bahan api yang mahal. Bukan sahaja itu, malah MAS turut menyumbang kepada separuh kerugian Khazanah iaitu sebanyak RM 7.3 billion pada tahun 2018.

"MAS dikatakan turut menyumbang kepada kerugian Khazanah sebanyak RM7.3 Bilion pada tahun 2018

Selain cadangan MAS dijual kepada pihak lain, terdapat juga analisis yang mengutarakan pandangan alternatif iaitu MAS boleh mewujudkan usaha sama dengan syarikat penerbangan yang lain. Di samping itu, Malaysia Aviation Group (MAG) yang merupakan syarikat induk MAS boleh menjual anak syarikat lain seperti MAB Engineering

yang tidak releven menjalankan operasi Maintenance, Repair and Overhaul (MRO) berikutan pengecilan aset kapal terbang MAS.

Khazanah Nasional bagaimanapun memberi sudut pandang manfaat lain yang berjaya dibawa oleh MAS iaitu syarikat tersebut memberi penggandaan sebanyak lapan hingga 10 kali ganda pelancong bagi setiap dollar yang dibawa MAS ke dalam Malaysia. Menurut dokumen ulasan tahunan khazanah 2019, MAS antara syarikat yang akan diletakkan sebagai aset strategik bersama TM, Malaysia Airport, TNB dan PLUS bagi memenuhi objektif dana strategik khazanah iaitu pulangan bersamaan hasil sekuriti kerajaan Malaysia (MGS) 10 tahun pada asas 5 tahun berterusan dan manfaat ekonomi yang boleh dihitung.

1.2 Isu Pengurangan Penjawat Awam

Dalam isu penjawat awam pula, Tun Dr Mahathir dalam sebuah kenyataan di Parlimen menyatakan bahawa **Kerajaan sedang mempertimbangkan pilihan untuk mengecilkan saiz bilangan penjawat awam yang berkhidmat dengan Kerajaan**. Menurut PM pada 12 Mac 2019, jumlah penjawat awam kini mencecah 1.7 juta orang berbanding 1 juta orang pada tahun 2003.

"We will nevertheless be studying and investigating as to whether we should shut it down or we should sell it off or we should refinance it. All these things are open for the government to decide." – Tun Mahathir

Menurut beliau, sebab kepada pengurangan jumlah ini adalah kerana jumlah sedia ada adalah terlalu besar dan memberi beban kewangan kepada kerajaan. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa dengan memindahkan penjawat awam ini ke sektor swasta, penggunaan tenaga akan lebih optimum dan produktiviti akan meningkat. Cadangan beliau adalah selaras dengan pertimbangan Kerajaan untuk menswastakan beberapa jabatan kerajaan dan penggunaan teknologi dan komputer sebagai ganti kepada tenaga manusia dalam perkhidmatan Kerajaan.

Berkaitan hal ini, Timbalan Perdana Menteri, Dr Wan Azizah sebelum ini dilaporkan menyebut dalam satu ucapan beliau pada 4 Mac bahawa penjawat awam yang berlainan pendirian politik dengan Kerajaan diingatkan agar tidak melakukan sabotaj dalam perkhidmatan mereka kepada rakyat.

Kerajaan PH memperuntukkan sebanyak RM259.9 billion atau 82.6% daripada jumlah keseluruhan bajet 2019 untuk perbelanjaan operasi, yang sebahagian besarnya adalah untuk emolumen atau pembiayaan ke atas penjawat awam (termasuk gaji, pencen, dan lain-lain) untuk menjalankan tugas perkhidmatan dalam Kerajaan. Jumlah tersebut adalah satu peningkatan sebanyak 10.4% berbanding bajet tahun sebelumnya.

2.0 ISU TERORISME

Antara suspek pengganas yang ditahan Bahagian Counter Terrorism Cawangan Khas PDRM. - Foto Ihsan PDRM

Antara Poin Berita:

- Lima suspek yang mengaku mereka sebagai ahli Ikhwanul Muslimin antara yang ditangkap
- Malaysia dikatakan menjadi tempat perlindungan selepas kekalahan ISIS di Syria dan Iraq

2.1 PDRM menangkap suspek yang mendakwa sebagai Ikhwanul Muslimin

Bahagian Counter Terrorism Cawangan Khas, **PDRM telah menangkap sembilan suspek di Lembah Klang dan Sarawak yang disyaki terlibat dalam kumpulan pengganas** di antara 2 hingga 9 Februari 2019. Mereka terdiri daripada dua warganegara Malaysia, enam warganegara Mesir dan seorang warganegara Tunisia. Terdapat suspek yang didakwa sebagai foreign terrorist fighters yang terlibat dengan kumpulan pengganas Ansar Al-Shariah Al-Tunisia (Kumpulan Al-Qaeda yang beroperasi di Afrika Utara), manakala lima suspek yang lain membuat pengakuan sebagai ahli Ikhwanul Muslimin yang terlibat sebagai fasilitator menyediakan kemudahan penginapan, pengangkutan dan membeli tiket penerbangan kepada dua anggota kumpulan pengganas tersebut.

Dilaporkan juga, motif penyusupan ke negara ini adalah berhubung dengan kekalahan kumpulan ISIS di Syria dan Iraq seterusnya menjadikan Malaysia sebagai safe haven (tempat perlindungan), destinasi transit dan pangkalan logistik buat kumpulan mereka. Di samping itu, kehadiran mereka ke negara ini telah menggunakan pelbagai cara antaranya menggunakan dokumen palsu, berkahwin dengan rakyat tempatan bagi mendapatkan spouse visa, menggunakan kemudahan pengajian (menjadi tenaga pengajar atau daftar belajar), dan menjalankan perniagaan. Operasi tangkapan ini bertitik tolak daripada tangkapan dua orang

warga Mesir pada April dan November 2018 yang turut juga mendakwa dirinya sebagai ahli Ikhwanul Muslimin Mesir dan dituduh terlibat dalam kumpulan pengganas ISIS dan Al-Qaeda.

3.0 PERUNDANGAN MALAYSIA

Menteri Undang-Undang Liew Vui Keong berkata sebaik sahaja perlembagaan dipinda, Sabah dan Sarawak tidak lagi akan dikenali sebagai "state". (Sumber: MalaysiaKini)

3.1 Isu Separatisme: Usaha Mengubah Sabah dan Sarawak Sebagai Sekutu Kepada Persekutuan Malaysia

Antara Poin Berita:

- Pindaan perkara 1(2) memerlukan 148 undi mewakili 2/3 majoriti dalam keadaan kerajaan hanya mempunyai 135 ahli parlimen
- TMJ antara individu yang aktif mengkritik kerajaan untuk menjadi ahli Statut Rom

Kerajaan bersetuju untuk membuat **usul pindaan dalam Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan bagi menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi dengan Semenanjung.** Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang), Datuk Liew Vui Keong berkata cadangan pindaan itu dipersetujui kabinet pada hari rabu yang lalu dan akan dibentangkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Kerja Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dalam sidang Dewan Rakyat. Dalam pindaan tahun 1976, Klausa (2) di dalam Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan meletakkan Sabah dan Sarawak sebagai negeri-negeri di bawah Persekutuan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, status Sabah dan Sarawak pada sebelum itu merupakan status bersekutu yang sama tarafnya dengan Persekutuan Tanah Melayu dan bukan berstatus negeri di bawah Persekutuan.

Sekiranya pindaan berjaya dibuat, taraf negeri-negeri Sabah dan Sarawak akan setara dengan Persekutuan Malaysia sebagai rakan sekutu dan bukanlah sebagai salah sebuah negeri seperti mana-mana negeri lain di dalam Persekutuan Tanah Melayu. Namun begitu, pindaan tersebut perlulah memperoleh sekurang-kurangnya 2/3 majoriti undi ahli parlimen iaitu sebanyak 148 undi. Kerajaan Pakatan Harapan setakat ini hanya mempunyai 135 ahli parlimen termasuk 9 daripada Warisan dan seorang daripada Upko.

3.2 Isu Statut Rom Dalam Menggugat Kuasa YDP Agong.

Dalam isu yang lain, **kerajaan telah menandatangani Rome Statute of the Internasional Criminal Court pada 4 Mac 2019.** Statut Rom adalah sebuah treati (perjanjian) rasmi antara negara - negara dalam mengiktiraf Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) sebagai pelengkap kepada undang-undang sedia ada negara. Hal ini bertujuan untuk mendakwa individu yang melakukan jenayah antarabangsa yang tertakluk di bawah ICC seperti Genosid (Penghapusan Etnik), jenayah terhadap kemanusiaan, Jenayah Perang dan jenayah pencerobohan. Isu Statut Rom ini mendapat kritikan kerana kelihatan tergesa-gesa dan tidak berbincang terlebih dahulu dengan Majlis Raja-Raja.

Aspek penting yang perlu diberi perhatian yang mendalam dalam Statut Rom ialah Perkara 27, Perkara 28(a), Bahagian Kesembilan serta Perkara 120. Peruntukan - peruntukkan tersebut memberikan kuasa penuh tanpa had kepada ICC termasuklah membolehkan ICC menggerakkan pihak berkuasa tempatan untuk menangkap mana-mana Ketua Negara atau Komander negara ke muka pengadilan jika didapati dirinya atau mana-mana orang bawahannya disiasat dengan jenayah di bawah bidang kuasa Statut Rom. Artikel 17 Statut Rom pula menyatakan kes di bawah Statut Rom tidak boleh dibicara atau disiasat di bawah mahkamah tempatan negara.

Wisma putra dalam satu kenyataannya di Malaysiakini mengatakan bahawa YDP Agong tidak akan disentuh oleh ICC kerana Artikel 40 (Yang di-Pertuan Agong adalah seorang Raja Berperlembagaan) dan Artikel 41 (Yang di-Pertuan Agong tidak diberi kuasa untuk mengisytihar perang walaupun baginda merupakan pemerintah tertinggi bagi angkatan tentera persekutuan). Antara Negeri yang dilihat bersikap tidak senang dengan statut Rom ini adalah negeri Johor. Statut Rom telah ditandatangani pada 4 Mac dan hanya akan diraktifikasi pada bulan Jun 2019.

"Institusi Diraja tergugat apabila kita menandatangi sesuatu yang membolehkan YDP Agong diheret ke mahkamah antarabangsa. Dimana letaknya kedaulatan YDP Agong selepas ini? Ini telah melanggar Perlembagaan."

-Tunku Ismail

LUAR NEGARA

4.0 ISU LUAR NEGARA SEKITAR ASIA TENGGARA

Isu Laut China Selatan berterusan apabila China bertindak balas dengan menghantar armada kapalnya selepas Filipina mengumumkan untuk membina penempatan kapal di Pulau Thitu pada 4 Februrari lalu. (Gambar Ihsan CNN)

4.1 Negara Asean ingin berunding dengan China berkenaan Laut China Selatan

Antara Poin Berita:

- Tindakan terbaru China mendesak negara-negara ASEAN melakukan rundingan semula berkaitan isu Laut China Selatan.
- Pengharaman parti pembangkang Thailand memberi ruang kepada parti sekutu Junta untuk menang.

Dalam isu Laut China Selatan, **perkembangan terbaru memperlihatkan negara-negara Asean ingin melakukan rundingan dengan China** menurut Menteri Luar China, Wang Yi. Hal ini berikutan pada 4 Februari yang lalu, setiausaha pertahanan Filipina, Delfin Lorenzana mengumumkan pembinaan penempatan kapal yang baru di Pulau Thitu akan siap sepenuhnya pada awal tahun 2019. Pulau Thitu adalah antara 9 pulau terbesar di sekitar Pulau Spartly yang menjadi penempatan kepada 100 orang penduduk, dan beberapa unit tentera yang kecil.

China bertindak balas terhadap pembinaan itu dengan menghantar armada kapal yang besar terdiri daripada kapal Coast Guard China, dan Kapal Nelayan berukuran 30-70m menurut sumber daripada AMSTI International. Berikutan tindakan China itu pada 5 March yang lalu, Amerika Syarikat bersedia untuk mempertahankan Filipina sekiranya diserang oleh China di Laut China Selatan menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Mike Pompeo, Setiusaha Negara Amerika Syarikat.

Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir pula dalam rangka lawatannya ke Filipina berkata, China sepatutnya mentakrifkan 'pemilikan' mereka ke atas Laut China Selatan yang

dipertikaikan supaya negara-negara lain yang membuat tuntutan sama boleh mendapat faedah. Perdana Menteri menegaskan Malaysia dan negara lain memiliki kebebasan navigasi dan tidak akan terjejas jika China tidak membuat sebarang sekatan ke atas laluan Laut China Selatan.

4.2 Perkembangan Isu Pilihanraya Thailand.

Manakala di Thailand pula, **mahkamah Perlembagaan Thailand telah mengharamkan parti pembangkang Thai Raksa Chart** selepas parti tersebutmencalonkan kakak kepada raja thai, Puteri Ubolratana sebagai calon Perdana Menteri bagi pilihan raya kali ini. Puteri Ubolratana merupakan bekas keluarga diraja yang telah berkahwin dengan warga Amerika Syarikat. Pengharaman tersebut dilihat menjatuhkan peluang kemenangan barisan parti pembangkang yang diketuai Parti Thai Rak Thai yang merupakan parti bekas Perdana Menteri Thaksin Shinawatra. Parti Thai Raksa Chart merupakan sebahagian daripada parti yang masih setia kepada Parti Thai Rak Thai.

Pilihanraya Thailand akan berlangsung pada 24 mac 2019 setelah penangguhan berturut-turut sejak dari tahun 2015 selepas berjaya mengambil kuasa daripada Yingluck Shinawatra, Perdana Menteri pada ketika itu. Pilihanraya Thailand pada tahun ini akan menyaksikan pilihanraya yang dijalankan melalui percaturan baru kerajaan tentera junta dalam soal persempadanan semula Thailand serta menggunakan peruntukan baru pilihanraya yang digubal tentera dalam perlembagaan Thailand.